



## BILANGAN 16 RAMADHAN AL-MUBAARAK



RAMADHAN AL-MUBARAK

Dalam keghairahan menyambut perayaan agama, kadang kita lupa menggunakan perkataan Melayu (dieja dan dibaca mengikut pelat Melayu).

Perkataan Ramadhan dalam poster di sebelah kiri anda hendaklah dieja Ramadan. Sementara Al-Mubaarak pula hendak dieja Almubarak. Jadi judul majlis tersebut hendaklah ditulis; Ramadan Almubarak.

Al yang dipinjam dari bahasa Arab ialah kata penentu yang mendahului kata nama dan bermaksud itu. Dalam bahasa Melayu terdapat perkataan-perkataan seperti almarhum, alkisah, alhasil dan sebagainya. Mubarak pula bermaksud beroleh berkat atau kebahagiaan.

Bagi nama-nama tertentu seperti menuliskan surah pertama dalam al-Quran, biasanya ditulis Al-Fatihah. Begitu juga dengan nama-nama masjid; Al-Khair, Al-Huda, Al-Istighfar, Al-Istiqamah, dsb.